



Umat Islam diajak bertekad perbaharui azam capai kecemerlangan hidup

Oleh Ruwaida Md Zain - Julai 18, 2023 @ 10:47pm
bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Umat Islam diajak bertekad memperbaharui azam untuk mengubah cara berfikir dan melakukan suatu tindakan dengan niat ke arah mencapai matlamat kecemerlangan dalam kehidupan, sempena sambutan Maal Hijrah, esok.

Perkara itu ditekankan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang bersama Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, berkenan menzahirkan perutusan Selamat Menyambut Awal Muharam 1445 Hijrah kepada seluruh umat Islam di negeri ini khususnya dan di Malaysia amnya.

Dalam kenyataan melalui Facebook Selangor Royal Office, hari ini, baginda turut berpesan supaya perpaduan sesama ummah terus diperkukuh, selain jauhi perkara yang boleh membawa kepada kemungkaran dan sifat tercela seperti berdusta, khianat serta menyebarkan berita palsu yang merupakan sifat orang munafik.

"Baginda juga berharap agar sambutan Maal Hijrah ini dihayati dengan penuh kesedaran dan kefahaman akan peri pentingnya penghayatan nilai murni dalam Islam diterjemah kepada setiap aspek kehidupan," menurut kenyataan berkenaan.

Kenyataan itu turut memetik Surah An-Nisa' ayat 100 yang bermaksud: 'Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur.'